

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TINGGI DI TANAH MELAYU, 1905-1957

Abu Hanifah Haris*
Roslina Ab Ghani*

Abstrak

Pendidikan tinggi merupakan tahap pendidikan tertinggi dalam sistem pendidikan iaitu melibatkan pengajian ijazah pertama iaitu ijazah sarjana muda sehingga ijazah lanjutan yang melibatkan ijazah sarjana sehingga ijazah doktor falsafah. Perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu sebenarnya berpusat di Singapura bermula dengan penubuhan *King Edward VII College of Medicine* pada tahun 1905, diikuti penubuhan *Raffles College* pada tahun 1928, sebelum kedua-dua institusi ini digabungkan menjadi Universiti Malaya pada tahun 1949. Objektif kajian ini ialah mengkaji perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu sebelum merdeka. Skop kajian ini ialah sejak penubuhan *King Edward VII College of Medicine* pada tahun 1905 sehingga kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah kajian perpustakaan dengan meneliti pelbagai sumber primer seperti fail dan dokumen khususnya rekod British seperti *Annual Report of the Education Department* dan *Annual Report on Education*, serta pelbagai akhbar seperti *Malaya Tribune*, *Malayan Saturday Post*, *Morning Tribune*, *Singapore Standard*, *Sunday Standard*, *Sunday Tribune*, *The Singapore Free Press*, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, dan *The Straits Times*. Kajian ini turut merujuk sumber sekunder seperti buku, artikel, dan tesis. Kajian ini mendapati bahawa perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu berlaku agak lewat kerana berbanding tahap pendidikan rendah dan menengah kerana *King Edward VII College of Medicine* yang merupakan insitisi pendidikan tinggi di Tanah Melayu hanya ditubuhkan pada tahun 1906 iaitu pada awal abad ke-20 berbanding penubuhan *Penang Free School*, Pulau Pinang iaitu antara sekolah Inggeris pertama di Tanah Melayu yang ditubuhkan pada awal abad ke-19. Manakala universiti pertama di Tanah Melayu dalam bentuk yang sebenar iaitu Universiti Malaya hanya berlaku selepas Perang Dunia Kedua iaitu pada tahun 1949. Hal ini menunjukkan bahawa British tidak begitu serius untuk menyediakan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu, dan penubuhan universiti tersebut ialah berdasarkan inisiatif penduduk Tanah Melayu sendiri yang giat berusaha untuk merealisasikannya.

-
- * Dr. Abu Hanifah Haris ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
 - * Roslina Ab Ghani ialah guru mata pelajaran Sejarah di SMK Bandar Baru Sungai Long, Kajang, Selangor.

Kata Kunci: *King Edward VII College of Medicine; Raffles College; Universiti Malaya*

Pengenalan

Pendidikan merupakan aspek penting dalam perkembangan sesebuah masyarakat. Pendidikan mampu membekalkan pelbagai pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat yang diperlukan dalam menghadapi dan menyelesaikan pelbagai cabaran dalam kehidupan. Pada masa yang sama, pendidikan juga mampu mengubah akhlak, sikap dan personaliti seseorang menjadi lebih baik. Pendidikan yang berkesan tidak boleh menekankan aspek intelek sahaja, sebaliknya perlu bersifat menyeluruh dengan menekankan aspek lain seperti jasmani, emosi dan rohani. Hakikatnya, pendidikan yang berkesan bukan sahaja mampu menyediakan seseorang individu dengan pelbagai ilmu dan kemahiran asas untuk meneruskan kelangsungan hidup, tetapi juga mampu menjana pembangunan sesebuah negara.

Sebelum merdeka, perkembangan pendidikan di Tanah Melayu mengalami perkembangan yang pesat ketika zaman penjajahan British. Hal ini kerana perkembangan pendidikan sebelum penjajahan British lebih bersifat tempatan dan berteraskan pendidikan agama Islam, selain melibatkan guru agama dan ulama yang mengajar di surau, istana atau rumah mereka. Jenis sekolah di Tanah Melayu ketika penjajahan British terbahagi dua iaitu sekolah Inggeris, dan sekolah vernakular seperti sekolah Melayu, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Pada masa yang sama, terdapat juga sistem pendidikan alternatif yang berteraskan agama Islam seperti sistem pondok yang bersifat tradisional dan menekankan hafalan serta sistem madrasah yang lebih bersifat moden kerana mempunyai kurikulum dan waktu pembelajaran khusus selain dijalankan di dalam bilik darjah.

Secara umumnya, tahap pendidikan di Tanah Melayu ketika penjajahan British boleh dibahagikan kepada 3 tahap utama, iaitu pendidikan rendah, pendidikan menengah, dan pendidikan tinggi. Pendidikan rendah kebiasaannya merujuk kepada tahap pendidikan awal yang didedahkan kepada pelajar berumur sekitar 6 atau 7 tahun sehingga berumur 12 tahun. Antara sekolah rendah Inggeris yang terawal di Tanah Melayu ialah *Penang Free School* yang diwujudkan pada awal abad ke-19, iaitu pada tahun 1816. Pendidikan menengah pula didedahkan kepada pelajar berumur 13 tahun sehingga 17 tahun. Aliran pendidikan menengah pula mengalami perkembangan pesat sejak awal abad ke-20 yang melibatkan sekolah Inggeris dan sekolah Cina sahaja. Antara sekolah menengah beraliran Inggeris yang terkenal ialah *Anglo-Chinese School*, *Anglo-Tamil School*, *Maktab Melayu Kuala Kangsar* dan *Victoria Institution*. Terdapat juga beberapa sekolah menengah yang berteraskan pendidikan teknik dan vokasional sejak awal abad ke-20 seperti sekolah teknik, sekolah perdagangan dan sekolah pertanian. Manakala pendidikan tinggi pula merupakan tahap pendidikan tertinggi yang didedahkan kepada pelajar yang berumur 18 tahun ke atas.

Secara umumnya, pendidikan tinggi pula melibatkan tahap pendidikan tertinggi iaitu melibatkan pengajian ijazah pertama iaitu ijazah sarjana muda sehingga ijazah lanjutan yang melibatkan ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah. Namun begitu, pendidikan tinggi di Tanah Melayu sebelum merdeka hanya ditawarkan setakat ijazah pertama sahaja. Berbanding tahap pendidikan yang lain, pendidikan tinggi dianggap penting khususnya terhadap perkembangan sosioekonomi kerana graduan kolej dan universiti dianggap mempunyai kelulusan yang

tinggi sekali gus berkelayakan untuk memegang jawatan yang tinggi dalam sektor pekerjaan. Pendidikan tinggi merupakan antara bidang pendidikan yang penting khususnya dalam menyediakan pendidikan lanjutan yang berkualiti, seterusnya mampu melahirkan modal insan yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan berkemahiran tinggi. Graduan kolej dan universiti juga boleh diibaratkan sebagai ‘kilang’ yang melahirkan pekerja mahir dan terlatih bagi mengisi pelbagai jawatan dalam sektor kerajaan dan swasta sesuai dengan statusnya sebagai tahap pendidikan tertinggi.

Perbincangan artikel ini dimulakan dengan latar belakang pendidikan tinggi di Tanah Melayu yang melibatkan institut pendidikan tinggi iaitu kolej dan universiti seperti perbincangan mengenai penawaran biasiswa kepada pelajar Tanah Melayu untuk melanjutkan pengajian di luar negara, serta lulusan sekolah menengah di Tanah Melayu khususnya sekolah yang menyambung pengajian peringkat tinggi di universiti atau institut pendidikan tinggi di dalam dan di luar negara. Perbincangan turut menyentuh tentang dasar British terhadap pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Perbincangan seterusnya akan menganalisis perkembangan dua kolej awal di Tanah Melayu iaitu *King Edward VII College of Medicine*, Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1905, serta *Raffles College*, Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1928. Perbincangan berikutnya memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai penubuhan satu-satunya universiti di Tanah Melayu sebelum merdeka iaitu Universiti Malaya, Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1949 dan perkembangan universiti tersebut sehingga kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Latar Belakang Pendidikan Tinggi di Tanah Melayu dan Dasar British

Secara umumnya, perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu bermula agak lewat berbanding tahap pendidikan rendah dan menengah yang bermula sejak awal abad ke-19. Buktinya, *Penang Free School* di Pulau Pinang yang menyediakan pendidikan rendah telah ditubuhkan pada tahun 1816, diikuti penubuhan *Raffles Institution* di Singapura pada tahun 1823 yang merupakan sebuah sekolah menengah. Institut pendidikan tinggi pertama di Tanah Melayu iaitu *King Edward VII College of Medicine* pula hanya ditubuhkan pada tahun 1906, atau lebih tepat lagi pada tahun 1921 selepas dinaiktaraf menjadi sebuah kolej perubatan. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu hanya bermula pada awal abad ke-20, iaitu hampir satu kurun lebih lewat berbanding tahap pendidikan lain, khususnya tahap pendidikan rendah.

Secara umumnya, dasar British terdapat pendidikan tinggi di Tanah Melayu adalah tidak menyokong penubuhan institut pendidikan tinggi atau universiti di Tanah Melayu.¹ Hal ini merujuk kepada keputusan salah sebuah jawatankuasa di bawah *Secretary of State* (Setiausaha Negara) United Kingdom, iaitu *Advisory Committee on Education in the Colonies* (ACEC) yang mengkaji potensi pendidikan tinggi di tanah jajahan British sekitar tahun 1930-an, termasuklah di Tanah Melayu. Mengulas isu tersebut, A.J. Stockwell dalam tulisannya menjelaskan bahawa, “*Yet, university development was not yet a priority of British policy*”.²

-
- 1 Philip Loh Fook Seng, “British Educational Strategy in the Malay States, 1874 to 1940”, Disertasi PhD, Stanford University, 1970, hlm. 198.
 - 2 A.J. Stockwell, “‘The Crucible of the Malayan Nation’: The University and the Making of a New Malaya, 1938-62”, *Modern Asian Studies*, Vol. 43, No. 5, 2009, hlm. 1150.

Bahkan sebelum Perang Dunia Kedua, hanya terdapat empat buah universiti di tanah jajahan British iaitu di Malta, Jerusalem (Palestin), Ceylon (Sri Lanka), dan Hong Kong. Namun begitu, masih terdapat beberapa institusi pendidikan tinggi yang belum mencapai tahap sebuah universiti di tanah jajahan British seperti *Imperial College of Tropical Agriculture* di St Augustine, Trinidad; *Central Medical School* di Suva, Fiji; *Fourah Bay College* di Sierra Leone; *Prince of Wales College* di Achimota, Gold Coast (sekarang Ghana); *Higher College* di Yaba, Nigeria; *Makerere College* di Kampala, Uganda; *Gordon Memorial College* di Khartoum, Sudan; termasuklah dua buah kolej yang terletak di Singapura iaitu *King Edward VII Medical College* dan *Raffles College*.³ Dalam hal ini, British juga mengambil pendekatan lebih berhati-hati untuk menawarkan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu bagi mengelakkan penentangan penduduk tempatan sebagaimana yang berlaku di India pada pertengahan abad ke-19 yang dikatakan berpunca daripada peluang pendidikan yang diberikan oleh British kepada penduduk India.

Usaha ke arah penubuhan sebuah institut pendidikan tinggi di Tanah Melayu hanya dijalankan secara lebih agresif dan tersusun sejak akhir abad ke-19. Hal ini disumbangkan oleh perkembangan pesat dalam sektor perhubungan dan infrastruktur seperti jalan raya, jalan kereta api, telegraf dan kemudahan elektrik menyebabkan wujud keperluan dan permintaan guna tenaga dalam sektor teknik dan vokasional, sekali gus mendorong British memberikan perhatian terdapat usaha menyediakan tenaga kerja teknikal terlatih dalam bidang profesional. Pada masa yang sama, British juga bimbang dengan peningkatan jumlah penduduk Tanah Melayu yang berpendidikan, tetapi menganggur.⁴ Jelaslah di sini bahawa British hanya menyedari kepentingan pendidikan tinggi setelah melihat kepada keperluan mendesak terhadap tenaga kerja mahir tempatan, khususnya dalam bidang teknik dan vokasional. Graduan institut pendidikan tinggi di Tanah Melayu dalam kalangan pelajar tempatan juga dapat membantu British mengisi pelbagai kekosongan jawatan dalam bidang pengurusan dan profesional bagi memacu pertumbuhan ekonomi Tanah Melayu.⁵ Hal ini juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada pegawai dari Eropah yang tentunya memerlukan kos yang lebih tinggi bagi pembayaran elaun, gaji dan pencen, selain kos pengangkutan. Situasi ini memberi alternatif kepada British untuk memberi peluang kepada pelajar tempatan mendapatkan pendidikan tinggi dengan membangunkan kolej dan universiti di Tanah Melayu.

Perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu tidak bermula dengan penubuhan sebuah kolej umum, sebaliknya berakar umbi daripada bidang perubatan iaitu keperluan menyediakan doktor perubatan terlatih yang terdiri daripada orang tempatan. Hal ini menyaksikan cadangan awal bagi penubuhan sebuah sekolah perubatan di Tanah Melayu telah dikemukakan sejak tahun 1890-an lagi oleh doktor perubatan Eropah yang bertugas di Tanah Melayu, khususnya bagi menyediakan doktor perubatan tempatan tanpa perlu bergantung kepada tenaga kerja dari luar. Menyedari keperluan tersebut, British akhirnya membenarkan penubuhan *King Edward VII College of Medicine*, Singapura pada tahun 1905.

3 Untuk keterangan lanjut, lihat D.J. Morgan, *The Official History of Colonial Development*, Atlantic Highland, US: Humanities Press, 1980, hlm. 107.

4 Philip Loh Fok Seng, *Seeds of Separatism: Education Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 110.

5 Sawi Linus Sungat, "Peranan Institusi Sains dan Penyelidikan dalam Pembangunan Sosioekonomi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941", Tesis PhD, Universiti Malaya, 2017, hlm. 53.

Bagi memperkasakan lagi pendidikan tinggi di Tanah Melayu, British kemudian membenarkan penubuhan sebuah kolej umum yang diberi nama *Raffles College* di Singapura pada tahun 1928. Menjelang tahun 1930-an, terdapat dua buah institusi pengajian tinggi yang berkembang di Tanah Melayu, iaitu *King Edward VII College of Medicine*, Singapura di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Negeri-Negeri Selat (NNS). Sebuah lagi institusi pengajian tinggi yang berkembang pesat ialah *Raffles College*, Singapura yang ditadbir oleh sebuah majlis bebas.⁶ Bagi memperkasakan pendidikan tinggi di Tanah Melayu, British kemudian membenarkan penubuhan Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1949. Hal ini menyaksikan Singapura muncul sebagai hub pendidikan penting bagi pendidikan tinggi di Tanah Melayu kerana semua insitut pendidikan tinggi di Tanah Melayu sebelum merdeka terletak di Singapura.

Pada masa yang sama, British juga membenarkan pelajar Tanah Melayu untuk menyambung pengajian peringkat tinggi, termasuklah di luar negara. Majoriti mereka merupakan lulusan sekolah menengah di Tanah Melayu khususnya sekolah Inggeris di Negeri-Negeri Selat (NNS) yang menyambung pengajian peringkat tinggi di kolej atau universiti di luar negara. Pada tahun 1927 misalnya, 180 pelajar dari Singapura, 69 pelajar dari Pulau Pinang dan seorang pelajar dari Melaka telah menyambung pengajian peringkat tinggi di kolej atau universiti sama ada di dalam dan luar negara. Daripada 180 pelajar yang berasal dari Singapura, 54 pelajar menyambung pengajian di United Kingdom, 12 pelajar di Amerika Syarikat, 42 pelajar di Hong Kong, 54 pelajar di *Singapore College of Medicine* dan baki 18 pelajar lagi di tempat-tempat lain. Daripada 69 pelajar yang berasal dari Pulau Pinang pula, 31 pelajar menyambung pengajian di United Kingdom, seorang di Amerika Syarikat, 20 pelajar di Hong Kong, 10 pelajar di *Singapore College of Medicine* dan baki tujuh pelajar lagi di tempat-tempat lain. Satu-satunya pelajar yang berasal dari Melaka pula menyambung pengajian di Hong Kong.⁷ Hal ini menggambarkan sikap keterbukaan British dengan membenarkan ibu bapa menghantar anak mereka untuk menyambung pendidikan tinggi di luar negara, selain di kolej tempatan. Hal ini juga didorong oleh peningkatan desakan penduduk Tanah Melayu khususnya di NNS yang mendesak British agar dapat memperkasakan lagi pendidikan tinggi di Tanah Melayu sejak akhir abad ke-19. Bagi merencanakan lagi usaha melahirkan tenaga kerja tempatan yang berilmu pengetahuan, berkemahiran tinggi, selain mahir dan terlatih, kerajaan British juga menawarkan biasiswa kepada pelajar Tanah Melayu untuk menyambung pengajian di United Kingdom, iaitu *Queen's Scholarship*. Biasiswa tersebut ditawarkan oleh kerajaan British kepada pelajar Tanah Melayu untuk menyambung pengajian di luar negara khususnya di United Kingdom seperti di *Oxford University* dan *Cambridge University*. Biasiswa ini diberi nama sempena nama Permaisuri England, Queen Victoria dan ditawarkan buat pertama kali pada tahun 1885 kepada para pelajar dari NNS. Pada peringkat awal, jumlah biasiswa yang diberikan ialah £250 setahun untuk mengikuti mana-mana pengajian dalam jajahan British tidak lebih lima tahun.⁸ Setiap tahun, dua biasiswa ditawarkan kepada pelajar yang layak meliputi £500 pada tahun pertama, dan £400 pada tahun-tahun berikutnya. Semua

6 Lihat "Unexpected Increase in Enrolment", *Malaya Tribune*, 30 September 1935, hlm. 12.

7 *Annual Report on Education in the Strait Settlements for the Year 1927*, dalam "Education", *Malayan Saturday Post*, 2 Jun 1928, hlm. 9.

8 *Education in Malaya*, Being Articles from "Oversea Education" (Published by the Colonial Office), 1930 to 1942, and 1946, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hlm. 5.

pelajar yang berminat untuk mendapatkan biasiswa tersebut perlu menjalani peperiksaan khas yang dijalankan pada bulan Oktober setiap tahun dan dipantau oleh Delegasi Cambridge. Jika delegasi tersebut mendapati bahawa tiada pelajar yang layak pada tahun tersebut, maka tiada biasiswa akan ditawarkan pada tahun tersebut.⁹

Pada tahun 1927 misalnya, terdapat 12 calon yang menduduki peperiksaan khas bagi mendapatkan *Queen's Scholarship*. Daripada jumlah tersebut, lima calon dari Singapura dan tujuh calon dari Pulau Pinang melibatkan 10 calon Cina, dan masing-masing seorang calon Eurasia dan India. Calon yang berjaya mendapat biasiswa tersebut pada tahun 1927 ialah dua pelajar *Penang Free School* iaitu Lim Kheng Khooi yang mengambil subjek Matematik Tulen dan Gunaan, dan Cheah Heng Sin yang mengambil subjek Sejarah dan bahasa Perancis.¹⁰ Pada tahun 1934 pula, terdapat 18 calon telah menduduki peperiksaan tersebut. Akhirnya biasiswa telah ditawarkan kepada dua calon yang layak iaitu A. V. Winslow dari *Penang Free School*, Pulau Pinang dan Lau Fook Khean dari *St. Xavier Institution*, Pulau Pinang.¹¹ Hal ini menggambarkan peluang yang diberikan oleh British kepada pelajar yang berkelayakan untuk menyambung pengajian di United Kingdom, seterusnya membantu British mengisi pelbagai jawatan dalam sektor perkhidmatan awam dengan berkhidmat di Tanah Melayu sebaik sahaja menamatkan pengajian di luar negara.

Perkembangan King Edward VII College of Medicine, Singapura

King Edward VII College of Medicine, Singapura merupakan institut pendidikan tinggi pertama yang ditubuhkan di Tanah Melayu. Kolej tersebut ditubuhkan pada tahun 1905 hasil desakan ramai penduduk Singapura yang mahukan kewujudan sebuah sekolah perubatan di Tanah Melayu. Usaha awal bagi penubuhan sekolah perubatan telah dimulakan oleh Dr. Simon iaitu *Principal Civil Medical Officer* di Singapura sejak tahun 1890 lagi. Namun begitu, idea tersebut terpaksa ditangguhkan kerana meskipun semua keperluan daripada tenaga pengajar dan kemudahan pembelajaran telah dipenuhi, namun dua calon yang memohon untuk mengikuti pengajian di sana didapati tidak layak. Pada tahun 1902, sebuah suruhanjaya telah dibentuk bagi mengkaji semula cadangan penubuhan sekolah perubatan tersebut. Pada tahun 1904, permohonan rasmi telah dikemukakan kepada Gabenor NNS, Sir John Anderson bagi penubuhan sekolah tersebut dan beliau memaklumkan sejumlah \$71,000 diperlukan bagi membiayai perbelanjaan penting bagi penubuhan sekolah tersebut serta penawaran biasiswa untuk pelajar. Namun begitu, jawatankuasa penubuhan sekolah tersebut berjaya mengumpul sejumlah \$87,000 hasil sumbangan orang ramai khususnya golongan hartawan. Sekolah tersebut kemudian telah dirasmikan pada 3 Julai 1905 dan dinamakan sebagai *Straits and Federated Malay States Government Medical School*.¹² Pada peringkat awal, sekolah tersebut ditubuhkan bagi melatih pembantu jurubedah di hospital kerajaan, manakala para pelajar pula akan mengikuti pengajian dalam bidang perubatan selama 5 tahun.

9 *Annual Report of the Education Department for the Year 1931*, hlm. 42. Lihat juga "Unexpected Increase in Enrolment", *Malaya Tribune*, 30 September 1935, hlm. 12.

10 *Annual Report on Education in the Strait Settlements for the Year 1927*, dalam "Education", *Malayan Saturday Post*, 2 Jun 1928, hlm. 9.

11 Lihat "Unexpected Increase in Enrolment", *Malaya Tribune*, 30 September 1935, hlm. 12.

12 Lihat "History of King Edward VII Medical College", *The Straits Times*, 19 Februari 1937, hlm. 16.

Pada tahun 1912, *Straits and Federated Malay States Government Medical School* kemudian dinamakan sebagai *King Edward VII Medical School* sebagai penghargaan terhadap geran yang dianugerahkan oleh *Committee of the King Edward VII Memorial Fund*. Pada tahun 1921, sekolah tersebut dikenali sebagai *King Edward VII College of Medicine*.¹³ Hal ini menyaksikan perkembangan institusi pendidikan tersebut iaitu daripada sebuah sekolah perubatan kepada sebuah kolej perubatan.

Seramai 23 pelajar telah mendaftar sebagai kumpulan pertama pelajar *Straits and Federated Malay States Government Medical School* pada tahun 1905. Daripada jumlah tersebut, 16 pelajar merupakan pelajar sepenuh masa yang mengambil kursus perubatan penuh, manakala baki 7 pelajar pula mengambil kursus atendan hospital selama 2 tahun. Dari segi kaum pula, daripada keseluruhan 23 pelajar terdapat 9 pelajar Cina, 6 Eurasian, 5 India, serta masing-masing seorang pelajar Melayu, Ceylonese (Sri Lanka), dan Eropah.¹⁴ Sesi pembelajaran kursus perubatan penuh berlangsung selama 5 tahun bagi melayakkan mereka mendapat Diploma LMS (*Licentiate in Medicine and Surgery*). Daripada 16 pelajar yang merupakan kumpulan pertama yang mengambil kursus perubatan penuh pada tahun 1905, 7 pelajar berjaya menamatkan pengajian pada bulan Mei 1910, manakala 6 pelajar lagi berjaya menamatkan pengajian pada bulan Disember 1910.¹⁵ 7 pelajar pertama yang menamatkan pengajian merupakan Chen Su Lan, Edwin Williborod deCruz, dan John Gnanapragasam dari Singapura; Willie Carnegie dan Mark W. Chill dari Pulau Pinang, S.R. Krishnan dari Seremban, Negeri Sembilan, dan John Scott Lee dari Ipoh, Perak.¹⁶

Pada peringkat awal, Diploma LMS (*Licentiate in Medicine and Surgery*) yang dikeluarkan oleh *King Edward VII Medical School* kurang mendapat pengiktirafan daripada pihak luar. Lanjutan daripada itu, jawatankuasa sekolah tersebut berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan daripada *General Council of Medical Education* (GCME) di United Kingdom bagi memastikan diploma tersebut mendapat pengiktirafan, khususnya di tanah jajahan British. Pada tahun 1916, *General Medical Council of Great Britain* atau *General Council of Medical Education* (GCME) akhirnya telah mengiktiraf diploma sekolah tersebut.¹⁷ Diploma LMS yang dikeluarkan oleh sekolah tersebut kemudian dimasukkan dalam *Colonial List of the British Medical Register*, sekali gus melayakkan pemegang diploma tersebut untuk

13 *Annual Report of the Education Department for the Year 1932*, hlm. 9.

14 Cheah J.S., Ho T.M. & Ng B.Y., "The First Graduates in 1910", *Annals Academy of Medicine*, Vol. 34, No. 6, 2005, hlm. 19C.

15 *Ibid.*, hlm. 20C.

16 Menurut Faridah Abdul Rashid, doktor Melayu pertama iaitu Dr. Abdul Latiff Abdul Razak (1889-1956) juga menamatkan pengajian pada tahun 1910 atau 1911. Namun begitu, beberapa tulisan seperti sebuah buku berjudul *To Sail Uncharted Seas: Commemorating 100 Years of Medical Education (1905-2005)* terbitan National University of Singapore (2005) tidak mencatatkan nama beliau sebagai antara kumpulan graduan pertama *Straits and Federated Malay States Government Medical School* seramai 23 pelajar yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun 1910, sebaliknya menamatkan pengajian pada tahun 1911. Hal yang sama juga dinyatakan dalam sebuah berita yang disiarkan dalam akhbar *The Straits Times* bertarikh 27 Julai 1956 mengenai kematian beliau akibat sakit jantung ketika berusia 68 tahun. Dalam berita tersebut, beliau dilaporkan menamatkan pengajian pada tahun 1911. Lihat "Latiff (Malay Pioneer in Medicine) Dies", *The Straits Times*, 27 Julai 1956, hlm. 9. Faridah sebaliknya lebih cenderung kepada tahun 1910 sebagaimana yang dinyatakan oleh salah seorang anak perempuan Dr. Abdul Latiff. Lihat Faridah Abdul Rashid, *Biography of the Early Malay Doctors 1900-1957: Malaya And Singapore*, Bloomington, US: Xlibris Corporation, 2012, hlm. 233.

17 Lihat "The College of Medicine", *Malaya Tribune*, 30 Ogos 1937, hlm. 10.

mempraktikkan amalan perubatan di tanah jajahan British.¹⁸ Hal ini menyaksikan lulusan sekolah tersebut mula diiktiraf oleh pihak luar setaraf dengan sekolah perubatan di Eropah, serta layak mempraktikkan amalan perubatan di seluruh tanah jajahan British.

Pada tahun 1905, syarat kemasukan ke *Straits and Federated Malay States Government Medical School* ditetapkan bagi lulusan Darjah VII sahaja, sebelum dinaikkan kepada lulusan *Senior Cambridge* pada tahun 1912, dan lulusan *Senior Cambridge* bersama-sama bahasa Latin pada tahun 1915.¹⁹ Pada tahun 1913, seorang professor dalam bidang psikologi telah dilantik di kolej tersebut, diikuti pelantikan seorang professor dalam bidang anatomi telah dilantik pada tahun 1920. Pada tahun 1921, beberapa buah sekolah telah diperkenalkan di kolej tersebut seperti Kerusi Perubatan, Kerusi Perubatan Klinikal, Kerusi Surgeri, dan Kerusi Surgeri Klinikal. Pada tahun 1929, *School of Dentistry* atau Sekolah Pergigian telah ditubuhkan, sekali gus menyaksikan kursus diploma pergigian selama lima tahun turut diwujudkan. Tahun 1935 pula menyaksikan penubuhan sebuah lagi pusat pengajian iaitu *School of Pharmacy* atau Sekolah Farmasi yang merupakan sekolah terakhir yang ditubuhkan di kolej tersebut sebelum merdeka.²⁰ Pada tahun 1955, kolej tersebut telah mengadakan sambutan 50 tahun penubuhan *King Edward VII College of Medicine*.²¹

Sehingga tahun 1940, dianggarkan jumlah graduan *King Edward VII College of Medicine* adalah sekitar 240 orang, termasuk 20 pelajar Melayu. Selain itu, dianggarkan purata 7 pelajar berjaya menamatkan pengajian di kolej tersebut setiap tahun. Memandangkan bidang perubatan merupakan antara kursus yang mencabar, maka kadar pelajar yang gagal menamatkan pengajian juga agak tinggi. Pada tahun 1930, 39 peratus pelajar dilaporkan gagal menamatkan pengajian, sebelum meningkat kepada 52 peratus pada tahun 1931. Pada tahun 1932, peratusan pelajar yang gagal menamatkan pengajian menurun sedikit kepada 40 peratus.²² Angka tersebut jelas menggariskan tahap kesukaran yang dihadapi oleh pelajar yang mengambil kursus perubatan di kolej tersebut, sehingga menyaksikan sekitar 30 hingga 50 peratus pelajar gagal menamatkan pengajian setiap tahun.

Meskipun begitu, jumlah pelajar Melayu yang menyambung pengajian di *King Edward VII College of Medicine* dianggarkan melebihi 20 pelajar setiap tahun, khususnya sejak akhir tahun 1930-an. Pada tahun 1937 misalnya, dilaporkan terdapat sekitar 27 pelajar Melayu termasuk dua pelajar wanita yang belajar di sekolah tersebut daripada keseluruhan 180 pelajar di kolej tersebut.²³ Hal ini menunjukkan bahawa terdapat sekitar 15 peratus pelajar Melayu yang belajar di kolej tersebut pada tahun 1937.

Pada peringkat awal, bangunan kolej tersebut diwujudkan di beberapa bangunan hospital lama, termasuklah di sebuah bangunan yang pernah menjadi sebuah rumah sakit gila untuk wanita bernama *Female Lunatic Asylum* yang terletak di *Sepoy Lines*, Singapura.²⁴ Sebuah asrama untuk kegunaan pelajar kolej tersebut berjaya dibina pada tahun 1916, diikuti asrama kedua pada tahun 1924. Manakala bangunan baru sekolah tersebut yang dilengkapi

18 Khoo Kay Kim, *100 Years: The University of Malaya*, Kuala Lumpur, Malaysia: University of Malaya Press, 2005, hlm. 10.

19 Lihat "History of King Edward VII Medical College", *The Straits Times*, 19 Februari 1937, hlm. 16.

20 Lihat "Snapshots of the Past", *The Straits Times*, 13 Ogos 1987, hlm. 3.

21 Lihat "50th Anniversary", *The Straits Times*, 1 September 1955, hlm. 7.

22 Philip Loh Fook Seng, "British Educational Strategy in the Malay States", hlm. 199.

23 Lihat "More Malays Studying for the Medical Profession", *The Straits Times*, 12 Disember 1937, hlm. 21.


24 Lihat "Snapshots of the Past", *The Straits Times*, 13 Ogos 1987, hlm. 3.

makmal dan dewan kuliah yang mampu memuatkan maksimum 250 pelajar hanya berjaya disediakan pada tahun 1926.²⁵

Kerajaan NNMB juga menyokong penuh peranan dan sumbangan *King Edward VII College of Medicine* dalam memajukan bidang perubatan di Tanah Melayu dengan menawarkan biasiswa kepada pelajar dari NNMB. Malah kerajaan NNMB juga sanggup membiayai separuh daripada kos pentadbiran sekolah tersebut.²⁶ Pada tahun 1933, salah seorang pelajar dari NNMB iaitu Chan Ah Kow yang merupakan pelajar *King Edward VII School*, Taiping, Perak misalnya pernah memperoleh biasiswa untuk menyambung pengajian dalam bidang perubatan di kolej tersebut selama enam tahun. Beliau merupakan Ketua Pelajar sekolah tersebut selain pernah menduduki tempat kedua bagi *Queen's Scholarship* pada tahun 1932.²⁷ Hal ini menggambarkan tumpun yang diberikan oleh British terhadap kedudukan kolej tersebut, sehingga menawarkan beberapa biasiswa kepada pelajar cemerlang untuk menyambung pengajian dalam bidang perubatan di kolej tersebut.

Pemberian biasiswa atau bantuan kewangan bagi membiayai yuran pengajian juga digerakkan oleh kelab dan persatuan persendirian. Pada tahun 1940, Persatuan Melayu Singapura misalnya bersetuju untuk memberi bantuan kewangan kepada Haji Abdul Majid bin Haji Abu Bakar, bekas pelajar *Penang Free School*, Pulau Pinang untuk meneruskan pengajian di *King Edward VII College of Medicine*.²⁸ Sebelum itu, persatuan tersebut pernah membantu seorang pelajar Singapura bernama Abdul Jalim untuk meneruskan pengajian di kolej perubatan tersebut.²⁹ Hal ini menunjukkan keprihatinan orang Melayu Singapura terhadap kebajikan ahlinya, termasuk memberikan bantuan kewangan bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja dalam bidang perubatan dapat dilahirkan, sekali gus dapat memandaikan lagi bangsa Melayu. Tambahan pula, bantuan yang diberikan tidak terhad kepada pelajar Melayu dari Singapura sahaja, tetapi di seluruh Tanah Melayu.

**Rajah 1: Kakitangan dan Graduan *King Edward VII College of Medicine*
Pada Tahun 1934**



Sumber: *Malaya Tribune*, 20 September 1934, hlm. 20

- 25 *Annual Report of the Education Department for the Year 1932*, hlm. 10.
 26 Philip Loh Fook Seng, "British Educational Strategy in the Malay States", hlm. 199.
 27 *The Straits Times*, 30 Mei 1933, hlm. 12.
 28 *Malaya Tribune*, 12 Jun 1940, hlm. 5
 29 Lihat "Union Helps Boy to Study Medicine", *The Straits Times*, 9 Jun 1940, hlm. 7.

Pada tahun 1938, 14 pelajar *King Edward VII College of Medicine* berjaya menamatkan pengajian, iaitu lapan pelajar kursus perubatan, manakala enam pelajar lagi merupakan pelajar yang mengambil kursus pergigian.³⁰ Pada tahun 1939, 13 pelajar *King Edward VII College of Medicine* berjaya lulus dalam peperiksaan akhir dan bakal bertugas sebagai doktor perubatan di hospital kerajaan.³¹ Hal ini menunjukkan kepentingan kolej tersebut dalam melahirkan doktor perubatan dan doktor pergigian terlatih, sekali gus dapat menambah jumlah doktor di Tanah Melayu ketika itu.

Antara lulusan *King Edward VII College of Medicine*, Singapura yang terkenal ialah Dr. Abdul Latiff Abdul Razak (1910) yang dianggap sebagai doktor Melayu pertama di Tanah Melayu.³² Selain itu, terdapat juga lulusan kolej tersebut yang kemudiannya menceburi bidang politik. Antara lulusan kolej tersebut yang kemudiannya menceburi bidang politik ialah Tun Dr. Ismail Abdul Rahman (1935-1937). Penglibatan Tun Dr. Ismail dalam bidang politik berlaku lebih awal, iaitu selepas Perang Dunia Kedua lagi apabila dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1951.³³ Tokoh lain yang terkenal ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad (1947).³⁴ Namun begitu, beliau hanya terlibat aktif dalam bidang politik selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Terdapat juga wanita Melayu yang berjaya menamatkan pengajian di kolej tersebut. Antaranya ialah Dr. Salma binti Ismail (1949) yang merupakan doktor wanita Melayu pertama di Tanah Melayu.³⁵ Tokoh lain adalah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali (1955), isteri kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.³⁶ Kedua-dua tokoh tersebut berasal dari negeri Kedah dan banyak menyumbang kepada perkembangan bidang perubatan bukan sahaja di negeri Kedah, tetapi juga di seluruh Tanah Melayu. Lulusan kolej tersebut juga pernah menjadi anggota majlis perbandaran. Antaranya ialah Dr. Abdul Samad, lulusan *King Edward VII College of Medicine*, Singapura yang kemudiannya berkhidmat sebagai *Singapore Municipal Commissioner*.³⁷ Kesemua mereka merupakan tokoh dan negarawan yang telah menyumbang kepada pembangunan tanah air bukan sahaja dalam bidang perubatan, tetapi juga dalam bidang lain, termasuklah dalam bidang politik.

30 *The Straits Times*, 17 Julai 1938, hlm. 2.

31 Doktor perubatan yang baru dilantik bakal menjalani tempoh percubaan selama enam bulan, dan bakal menerima gaji percubaan sebanyak \$50 sebulan dalam tempoh tersebut. Setelah menamatkan tempoh percubaan dan disahkan dalam perkhidmatan, mereka bakal menerima gaji sebanyak \$250 sebulan, manakala doktor gigi pula akan menerima gaji sebanyak \$200 sebulan. Lihat "New Doctors & Dentists", *The Straits Times*, 2 April 1939, hlm. 14.

32 Menurut Faridah Abdul Rashid, doktor perubatan Melayu pertama ialah Dr. Abdul Latiff bin Abdul Razak (1889-1956) yang berasal dari Klang, Selangor dan menamatkan pengajian di *Straits and Federated Malay States Government Medical School*, Singapura pada tahun 1910 dengan mendapat Diploma LMS (*Licentiate in Medicine and Surgery*). Sempena mengingati sumbangan beliau, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menamakan perpustakaan UKM kampus Kuala Lumpur sempena nama beliau, iaitu 'Perpustakaan Dr. Abdul Latiff'. Malah terdapat sebuah jalan di Kuala Lumpur turut dinamakan sempena nama beliau, iaitu 'Jalan Doktor Latiff' yang terletak di dalam kawasan Hospital Kuala Lumpur. Untuk maklumat lanjut, lihat Faridah Abdul Rashid, *Research on the Early Malay Doctors 1900-1957: Malaya and Singapore*, Bloomington, US: Xlibris Corporation, 2012, hlm. 174-175

33 Faridah Abdul Rashid, *Biography of the Early Malay Doctors 1900-1957*, hlm. 466. Lihat juga "Tun Ismail Dies of Heart Attack", *The Straits Times*, 3 Ogos 1973, hlm. 1.

34 Faridah Abdul Rashid, *Biography of the Early Malay Doctors 1900-1957*, hlm. 531.

35 Lihat "Kedah Malay Girl Makes History", *The Singapore Free Press*, 20 Disember 1947, hlm. 5. Lihat juga "First Kedah Malay Woman Doctor", *The Straits Times*, 23 Oktober 1948, hlm. 7.


36 Faridah Abdul Rashid, *Biography of the Early Malay Doctors 1900-1957*, hlm. 780.

37 *The Straits Times*, 25 Julai 1952, hlm. 7.

Perkembangan *Raffles College*, Singapura

Kolej kedua yang ditubuhkan di Tanah Melayu ialah *Raffles College*, Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1928. Rancangan awal penubuhan kolej tersebut dimulakan sejak tahun 1918 lagi sempena memperingati 100 tahun penubuhan Singapura dan peranan Stamford Raffles terhadap penubuhan Singapura pada tahun 1819.³⁸ Pada peringkat awal, kolej tersebut lebih kepada sebuah kolej perguruan yang membekalkan guru-guru di sekolah Inggeris sama ada di NNS atau NNMB.³⁹ Kolej tersebut kemudian menawarkan pendidikan tinggi dalam bidang sains dan sastera kepada penduduk Tanah Melayu. Pada peringkat awal, pentadbiran *Raffles College*, Singapura dikawal sebuah jawatankuasa eksekutif, manakala Pengarah Jabatan Pendidikan menjadi anggota *ex-officio* dalam jawatankuasa tersebut. Perasmian kolej tersebut pula telah disempurnakan oleh Sir Hugh Clifford pada 22 Julai 1929.⁴⁰ Reka bentuk bangunan *Raffles College* telah dilakukan oleh dua orang arkitek dari London iaitu Cyril A. Fahey dan Graham R. Dawbarn.⁴¹ Sebelum itu, kedua-dua mereka telah memenangi tender yang dibuka oleh kerajaan British bagi pembinaan bangunan kolej tersebut.

Rajah 2: Bangunan Baru *Raffles College*, Singapura



Sumber: “Raffles College, Singapore to be Formally Opened on Monday Next”, *Malayan Saturday Post*, 20 Julai 1929, hlm. 42.

Dana bagi penubuhan kolej tersebut diperoleh melalui sumbangan \$2 juta oleh orang awam dan kerajaan negeri-negeri Melayu, termasuk sumbangan khas \$1 juta oleh NNS bagi pembinaan bangunan kolej tersebut. Lakaran reka bentuk bangunan kolej tersebut dimulakan pada tahun 1923, manakala pembinaan bangunan tersebut hanya bermula pada tahun 1924, dan siap sepenuhnya pada tahun 1928. Dua kolej kediaman turut dibina yang boleh menampung maksimum 120 pelajar, selain sebuah padang permainan seluas 10 ekar.⁴²

38 Lihat “Raffles College”, *Malaya Tribune*, 28 Februari 1931, hlm. 12.

39 Philip Loh Fook Seng, “British Educational Strategy in the Malay States”, hlm. 200.

40 *Annual Report of the Education Department for the Year 1931*, hlm. 42.

41 Lihat “Raffles College Opened”, *The Straits Times*, 23 Julai 1929, hlm. 11.

42 *Annual Report of the Education Department for the Year 1932*, hlm. 10.

Menjelang akhir tahun 1928, beberapa bangunan baru kolej tersebut dijangka siap dibina seperti *Manasseh Meyer Science School*, *Oei Tiong Ham Administrative Block* dan *Eu Tong Seng Hall*. Bagi tujuan mendapatkan dana bagi pentadbiran kolej, nama penderma yang menderma melebihi \$50,000 akan diabadikan di mana-mana bangunan, ruang atau bilik di kolej tersebut. Pengetua kolej tersebut pula merupakan Dr. R.O. Winstedt yang juga merupakan Pengarah Jabatan Pendidikan NNS dan NNMB.⁴³

Pada peringkat awal, terdapat 42 pelajar sulung kolej tersebut pada tahun 1929, sebelum meningkat kepada 128 pelajar pada tahun 1930 diikuti 123 pelajar pada tahun 1931.⁴⁴ Pada tahun 1932, jumlah pelajar kolej tersebut berjumlah 119 pelajar. Daripada jumlah tersebut, 47 pelajar berasal dari NNMB, manakala 40 pelajar pula sedang menjalani latihan perguruan dengan biasiswa kerajaan.⁴⁵ Tahun 1934 menyaksikan berlaku penurunan yang drastik dari segi jumlah pelajar di kolej tersebut, iaitu menurun kepada 88 pelajar sahaja. Daripada jumlah tersebut, 15 pelajar berasal dari NNMB, manakala 10 pelajar daripada 15 pelajar tersebut pula sedang menjalani latihan perguruan dengan biasiswa kerajaan.⁴⁶ Pada tahun 1937, diangarkan terdapat 158 pelajar yang sedang menuntut di kolej tersebut, iaitu 129 pelajar lelaki dan 29 pelajar perempuan.⁴⁷

Struktur pembelajaran di kolej tersebut adalah selama tiga tahun yang melayakkan mereka dianugerahkan diploma. Pelajar perlu memilih satu kursus major dan dua subjek minor, manakala pelajar bidang pendidikan perlu mengambil satu lagi kursus tambahan iaitu kursus pendidikan. Pakej pengajian yang ditawarkan adalah seperti berikut.

1. Diploma Sastera - Bahasa Inggeris, Sejarah, Ekonomi, Geografi, dan Pendidikan.
2. Diploma Sains - Fizik, Kimia, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Pendidikan.
3. Diploma Sains - Matematik, Bahasa Inggeris, Fizik, Kimia atau Geografi, dan Pendidikan.⁴⁸

Lulusan kolej tersebut juga berpeluang untuk menyambung pendidikan peringkat ijazah pertama di United Kingdom, khususnya di *University of London*. Bermula pada tahun 1934, kolej tersebut menawarkan kursus pendidikan selama empat tahun, khususnya bagi lulusan kolej tersebut yang masih belum mendapatkan pekerjaan.⁴⁹ Kolej tersebut kemudian menjadi institusi penting dalam melahirkan ramai guru yang bakal berkhidmat di pelbagai sekolah Inggeris di Tanah Melayu. Buktinya daripada sejumlah 229 graduan kolej tersebut setakat tahun 1939, 190 graduan atau sekitar 83 peratus graduan kemudian bertugas sebagai guru di sekolah Inggeris.⁵⁰ Beberapa pelajar yang memasuki kolej tersebut juga sememangnya bercita-cita untuk menjadi guru. Antaranya ialah Rahmah binti Hamzah dari Kelantan dan merupakan bekas pelajar *Methodist Girl School*, Singapura yang mendaftar di kolej tersebut pada tahun 1939. Beliau memaklumkan bahawa tujuan beliau memasuki kolej tersebut ialah

43 *Annual Report on Education in the Strait Settlements for the Year 1927*, dalam "Education", *Malayan Saturday Post*, 2 Jun 1928, hlm. 9.

44 *Annual Report of the Education Department for the Year 1931*, hlm. 42.

45 *Annual Report of the Education Department for the Year 1932*, hlm. 46.

46 *Annual Report of the Education Department for the Year 1934*, hlm. 39.

47 *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 23 November 1937, hlm. 6.

48 Philip Loh Fook Seng, "British Educational Strategy in the Malay States", hlm. 200-201.

49 Lihat "Unexpected Increase in Enrolment", *Malaya Tribune*, 30 September 1935, hlm. 12.

50 Philip Loh Fook Seng, "British Educational Strategy in the Malay States", hlm. 200.

untuk menjadi seorang guru.⁵¹ Antara graduan kolej tersebut yang kemudiannya bertugas sebagai guru ialah Salleh bin Hussein yang pernah bertugas sebagai guru di *Clifford School*, Kuala Kangsar, Perak sebelum ditukarkan ke *Malay College*, Kuala Kangsar, Perak pada awal tahun 1940.⁵² Namun begitu, kolej tersebut turut menjadi pilihan bagi pelajar yang tidak berminat untuk menjadi guru kerana turut menawarkan pelbagai kursus sains dan sastera bagi melahirkan pelbagai tenaga kerja tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran.

Pada masa yang sama, pelajar *Raffles College* juga berpeluang untuk mendapat biasiswa daripada pihak kerajaan untuk menyambung pengajian di kolej tersebut. Pada tahun 1940, kerajaan Johor telah menghantar enam orang pelajar dari negeri tersebut untuk melanjutkan pelajaran di kolej tersebut selama tiga tahun sebagai latihan dan persediaan untuk berkhidmat sebagai pegawai kerajaan Johor. Antaranya ialah Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Aziz (Profesor Diraja Ungku Aziz) dan Abdul Aziz bin Mohamed dari Johor Bahru, Abdul Samad bin Haji Salleh dan Abdul Jabar bin Abdul Majid dari Muar, serta Ungku Abdul Jalil bin Mohd. Noor dari Batu Pahat.⁵³ Kesemua mereka mendapat pendidikan menengah di Johor. Baki seorang lagi pelajar yang mendapat biasiswa tersebut ialah Ungku Mohsim yang mendapat pendidikan di *Malay College*, Kuala Kangsar, Perak.

Pada tahun 1946, iaitu tahun pertama selepas kolej tersebut dibuka semula selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, kerajaan Tanah Melayu telah menawarkan *Malayan Union Scholarship* kepada pelajar yang berkelayakan dari seluruh Tanah Melayu. Pada masa yang sama, 11 pelajar Melayu turut berjaya memperoleh biasiswa tersebut, termasuk seorang pelajar perempuan berasal dari Melaka yang merupakan penuntut *Convent School*, Kuala Lumpur. Berikut merupakan senarai pelajar Melayu yang berjaya memperoleh *Malayan Union Scholarship* pada tahun tersebut:

Jadual 1: Senarai Pelajar Melayu Yang Berjaya Memperoleh *Malayan Union Scholarship* Untuk Menyambung Pengajian di *Raffles College* Pada Tahun 1946

No.	Nama	Sekolah Menengah
1	Abdul Rashid bin Md. Ali	<i>Prince of Wales Institution</i> , Kuala Lumpur
2	Abdul Shukor bin Haji Alwi	<i>Victoria Institution</i> , Kuala Lumpur
3	Abu Hanifah bin Md. Daud	<i>Anderson School</i> , Ipoh, Perak
4	Hawa binti Abdullah	<i>Convent School</i> , Kuala Lumpur
5	Ismail bin Osman	<i>Clifford School</i> , Kuala Kangsar, Perak
6	Mohd. Daud bin Hashim	<i>Sultan Abdul Hamid College</i> , Alor Setar, Kedah
7	Mohd. Khalid bin Sahol	<i>Government English School</i> , Segamat, Johor
8	Raja Mokhtar bin Raja Yaacob	<i>Malay College</i> , Kuala Kangsar, Perak
9	Shariff bin Hassan	<i>King Edward VII School</i> , Taiping, Perak
10	Shaikh Raihan bin Shaikh Hamzah	<i>Victoria Institution</i> , Kuala Lumpur
11	Wan Hamzah bin Salleh	<i>Singapore English School</i> , Singapura

Sumber: "Scholarships for Malays", *The Straits Times*, 21 September 1946, hlm. 6.

51 Ayah beliau, Hamzah bin Mohamed ketika itu merupakan Pesuruhjaya Polis Kelantan. Selain itu, sepupu beliau iaitu Shariff bin Mohamed turut menyambung pengajian di kolej tersebut. Lihat "Malay Girl Enrols at Raffles College", *The Straits Times*, 16 Jun 1939, hlm. 14.

52 Lihat "New Malay College Appointment", *The Straits Times*, 4 Januari 1940, hlm. 10.

53 Lihat "To Be Trained as Malay Officers", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 4 Jun 1940, hlm. 7.

Pada tahun 1949, terdapat lima pelajar Perak yang berjaya mendapat biasiswa kerajaan pusat untuk menyambung pengajian di *Raffles College*, Singapura.⁵⁴ Daripada jumlah tersebut, tiga penerima merupakan pelajar Melayu iaitu Mohd. Hashim bin Sam Abdul Latiff (*Malay College*, Kuala Kangsar, Perak) dan Abdul Rahman bin Yatim (*Government English School*, Batu Gajah, Perak), serta seorang pelajar perempuan iaitu Zahara binti Mokhtar (*Government English School*, Batu Gajah, Perak). Baki dua penerima yang lain merupakan P. Subramaniam (*Anglo-Chinese School*, Ipoh, Perak) dan Ooi Jin Bee (*Anderson School*, Ipoh, Perak).

Selain itu, terdapat juga biasiswa yang ditawarkan oleh organisasi luar kepada lulusan *Raffles College*, Singapura. Antaranya ialah *Tan Beng Gum Scholarship* yang ditawarkan khusus kepada pelajar Cina tanpa mengira jantina, selain berasal dari NNS atau NNMB sahaja. Biasiswa tersebut akan ditawarkan selama dua tahun, manakala pelajar bakal menerima \$500 pada setiap sesi pengajian, iaitu selama empat sesi pengajian.⁵⁵ Hal ini menggambarkan keprihatinan kaum Cina, khususnya dalam kalangan ahli perniagaan Cina yang mempunyai kewangan yang kukuh terhadap pencapaian pendidikan dan masa depan pelajar Cina sehingga sanggup menawarkan pelbagai biasiswa untuk membantu pelajar Cina bagi memajukan diri dalam bidang pendidikan, seterusnya menyumbang bakti kepada kemajuan bangsa mereka.

Antara lulusan *Raffles College* yang terkenal ialah Tun Syed Zahirudin (1938-1941), Tun Abdul Razak Hussein (1940), dan Profesor Diraja Ungku Aziz (1940).⁵⁶ Terdapat juga lulusan kolej tersebut yang kemudiannya menyambung pengajian dalam bidang perubatan. Antaranya ialah Dr. Abdul Samat bin Pagat, seorang lulusan *Raffles College* yang kemudiannya menyambung pengajian dalam bidang perubatan di *King Edward VII College of Medicine*, Singapura.⁵⁷ Selain itu, beberapa lulusan kolej tersebut kemudian turut berkhidmat dalam bidang perundangan. Antaranya ialah Profesor Emeritus Ahmad Mohamed Ibrahim yang merupakan pelajar kolej tersebut yang pernah lulus peperiksaan di *University of London* pada tahun 1935 sebelum dianugerahkan *Bachelor of Arts (B.A.), Second Class Honours* ketika baru berusia 19 tahun. Pencapaian tersebut dianggap sesuatu yang agak luar biasa kerana “*it is very unusual for a student of that age to take the London B.A. with Second Class Honours*”.⁵⁸ Tokoh lain ialah Ali bin Hassan, seorang lulusan kolej tersebut yang berasal dari Johor kemudiannya berkhidmat sebagai majistret di Kuala Lumpur. Pada tahun 1949, beliau telah ditawarkan biasiswa untuk menyambung pengajian dalam bidang undang-undang di Lincoln’s Inn, United Kingdom.⁵⁹ Semua lulusan kolej tersebut kemudian telah menceburi pelbagai bidang setelah menamatkan pengajian seperti bidang politik, pentadbiran, akademik, perubatan, dan perundangan seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan dalam bidang masing-masing.

54 Lihat “Malay Girl Gets Scholarship”, *The Straits Times*, 27 September 1949, hlm. 6.

55 Lihat “Raffles College, Singapore”, *Morning Tribune*, 13 April 1939, hlm. 11.

56 Sawi Linus Sungat, “Peranan Institusi Sains dan Penyelidikan”, hlm. 53.

57 *The Straits Times*, 2 April 1949, hlm. 8.

58 Lihat “London Degrees Via Raffles College”, *The Straits Times*, 20 November 1935, hlm. 12.

59 Lihat “Scholarship”, *The Singapore Free Press*, 30 Jun 1949, hlm. 6.

Perkembangan Universiti Malaya, Singapura

Cadangan dan perdebatan bagi penubuhan sebuah universiti di Tanah Melayu secara lebih agresif telah bermula sejak akhir tahun 1930-an lagi. Pada tahun 1936, Pengarah Jabatan Pendidikan menjelaskan bahawa meskipun matlamat menubuhkan sebuah universiti merupakan satu usaha yang baik bagi meningkatkan kualiti pendidikan di Tanah Melayu, namun cadangan tersebut dianggap kurang sesuai ketika itu kerana sebab-sebab berikut:

1. Masa belum tiba bagi penubuhan sebuah universiti.
2. Kos penubuhan sebuah universiti terlampau besar, bahkan dana wakaf yang ada bagi sebuah kolej masih tidak membiayai sebuah universiti.
3. Tiada keperluan bagi penubuhan sebuah universiti kerana meskipun bidang pendidikan di Tanah Melayu sedang meningkat, namun masih berada pada tahap rendah.⁶⁰

Pada tahun 1937, cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti di Singapura semakin mendapat sambutan yang menggalakkan. Malah terdapat cadangan bahawa Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang juga mempunyai buhungan dengan universiti tersebut, termasuklah menubuhkan sebuah fakulti di universiti tersebut.⁶¹

Pada tahun 1938, Jawatankuasa Pendidikan Tinggi yang dipimpin oleh Sir William McLean yang sedang mengkaji cadangan penubuhan sebuah universiti di Tanah Melayu telah mengadakan lawatan ke beberapa buah institusi pendidikan, termasuklah Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang, Selangor.⁶² Pada tahun yang sama, seorang pembaca *Malaya Tribune* turut mencadangkan agar Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang bersama-sama Medical College, Singapura dan Sekolah Teknik Kuala Lumpur disatukan di bawah satu institusi pendidikan tinggi dan dipantau oleh sebuah jawatankuasa penasihat khas.⁶³

Pada bulan November 1939, Laporan Mclean yang mengkaji pendidikan tinggi di Tanah Melayu mencadangkan agar *Raffles College* dan *King Edward College of Medicine* digabungkan bagi memberi laluan kepada penubuhan universiti di Tanah Melayu. Laporan tersebut juga menyimpulkan bahawa persoalan terhadap penubuhan universiti tersebut sepatutnya sudah sedia untuk dinilai 10 tahun kemudian. Laporan tersebut turut mencadangkan penubuhan tiga buah fakulti, iaitu fakulti sains, fakulti perubatan dan fakulti sastera. Universiti yang akan ditubuhkan juga perlu mempunyai kerjasama dengan dua buah institusi penyelidikan yang terkenal di Tanah Melayu, iaitu *Institute of Medical Research (IMR)* dan *Rubber Research Institute (RRI)*.⁶⁴

Pada tahun 1945, kerajaan British telah menggubal *Asquith Commission of June 1945* yang memberi kebenaran kepada penubuhan universiti kolej di tanah jajahan British,

60 Lihat "Varsity Would Cost Too Much", *Morning Tribune*, 8 Disember 1936, hlm. 2.

61 Lihat "Planning A University", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 18 Jun 1937, hlm. 8.

62 Lihat "Education Commission Dives Selangor "Once Over", *Morning Tribune*, 10 November 1938, hlm. 2. Selain Sekolah Pertanian, jawatankuasa tersebut juga turut melawat Sekolah Teknik, Bengkel Pusat, Institut Penyelidikan Getah, bengkel Jabatan Kerja Raya dan Institut Penyelidikan Perubatan. Lihat "Education Commission Visits Selangor", *Malaya Tribune*, 10 November 1938, hlm. 12.

63 Lihat "What Readers Are Saying Higher Education", *Malaya Tribune*, 25 November 1938, hlm. 20.

64 Lihat "University College Advocated for Singapore", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 14 Disember 1939, hlm. 5.

termauklah di Tanah Melayu. Pada tahun 1947, Sir Alexander Carr-Saunders, Pengarah *London School of Economics and Political Science* telah dilantik untuk mengetuai Suruhanjaya Carr-Saunders yang akan membuat lawatan ke seluruh Tanah Melayu bagi mengkaji tentang penubuhan universiti di Tanah Melayu.⁶⁵ Penubuhan suruhanjaya tersebut amat penting dari segi mendapatkan pandangan tentang bentuk universiti yang akan ditubuhkan, serta persediaan yang perlu dilaksanakan bagi penubuhan universiti tersebut.

Pada akhir bulan April 1948, Laporan Suruhanjaya Carr-Saunders berkenaan penubuhan universiti di Tanah Melayu akhirnya dikeluarkan. Laporan tersebut menyatakan bahawa Universiti Malaya akan ditubuhkan dengan menggabungkan *Raffles College*, Singapura dan *King Edward III College of Medicine*, Singapura.⁶⁶ Bagi tujuan tersebut, kerajaan British bersetuju untuk menyumbang sebanyak £1 juta daripada peruntukan *Higher Education Allowance of the Colonial Welfare and Development* bagi pembinaan bangunan dan pelbagai kemudahan pembelajaran di universiti tersebut.⁶⁷ Laporan tersebut juga mencadangkan penubuhan Jabatan Pengajian Melayu, Cina dan India di Universiti Malaya.⁶⁸

Universiti Malaya kemudian dijangka dirasmikan pada 1 Oktober 1948. Cadangan awal ialah penubuhan universiti tersebut akan dibuat di Johor Bharu, Johor di atas tanah seluas 1,000 ekar. Anggaran awal kos pembinaan bangunan dan asrama universiti tersebut ialah sebanyak £3 juta, manakala anggaran awal bagi kos pengurusan bagi sebuah universiti tersebut yang mampu memuatkan 1,000 pelajar ialah sekitar £3,000 setahun.⁶⁹

Terdapat juga ramai pihak yang telah memberi sumbangan terhadap tabung pendidikan Universiti Malaya. Pada bulan September 1949, Undang Rembau telah menyumbang sebanyak \$1,000 kepada *University of Malaya Endowment Fund*.⁷⁰ Setakat bulan Oktober 1949, Tabung Amanah Universiti Malaya berjumlah \$1,353,752.73.⁷¹ Setakat 5 November 1949, jumlah tersebut meningkat kepada \$1,605,238.31.⁷² Pada 27 Februari 1950, jumlah *University of Malaya Endowment Fund* yang diterima pada minggu sebelumnya sahaja berjumlah \$27,834.60.⁷³ Hal ini menggambarkan sikap pemurah penduduk Tanah Melayu yang sanggup memberikan sumbangan kewangan bagi memastikan usaha untuk mewujudkan sebuah universiti di Tanah Melayu dapat direalisasikan.

Desakan kuat daripada *Raffles College* dan *King Edward VII College of Medicine* dan ramai pihak tentang pentingnya kewujudan sebuah universiti di Tanah Melayu menyebabkan Suruhanjaya Carr-Saunders akhirnya memperakukan penubuhan sebuah universiti di Tanah

65 Yeo Kim Wah, "Student Politics in University of Malaya, 1949-51", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 23, No. 2, 1992, hlm. 347.

66 *Annual Report on Education for 1948*, hlm. 64.

67 *Annual Report on Education for 1949*, hlm. 91.

68 Khoo Kay Kim, *100 Years: The University of Malaya*, hlm. 50.

69 Lihat "University at Johore Bahru", *The Straits Times*, 1 Mei 1948, hlm. 1.

70 Lihat "Varsity Fund", *Indian Daily Mail*, 10 September 1949, hlm. 1. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu khususnya pembesar Melayu juga membantu penubuhan Universiti Malaya melalui pemberian derma bagi penubuhan universiti tersebut. Untuk maklumat lanjut tentang peranan orang Melayu termasuklah golongan raja dan pembesar Melayu terhadap penubuhan Universiti Malaya, lihat Zulkanain Abdul Rahman, Abdullah Zakaria Ghazali & Abdullah Gani, *Melayu dan Menara Gading: Di Sebalik Penubuhan Universiti Malaya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018.

71 Lihat "Varsity Fund", *Sunday Tribune*, 30 Oktober 1949, hlm. 3.

72 Lihat "Varsity Fund", *Malaya Tribune*, 6 November 1949, hlm. 3.

73 Lihat "Varsity Fund", *Malaya Tribune*, 27 Februari 1950, hlm. 3.

Melayu dengan mengekalkan bangunan dan kemudahan kolej sedia ada. Kerajaan akhirnya bersetuju untuk menerima laporan suruhanjaya tersebut. Universiti Malaya kemudian telah ditubuhkan secara rasmi pada 8 Oktober 1949.⁷⁴ Sebelum itu, *The University of Malaya Ordinance, 1949* bagi Persekutuan Tanah Melayu telah diluluskan pada 27 April 1949.⁷⁵

Tahun 1950 juga menyaksikan penubuhan Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya yang bakal menawarkan kursus Diploma Pendidikan selama setahun.⁷⁶ Pada tahun 1952, terdapat cadangan untuk membina bangunan baharu Universiti Malaya di Johor Bahru, Johor. Antara kawasan yang dicadangkan bagi pembinaan bangunan baru tersebut ialah tanah milik gerakan misionari Kristian seluas 308 ekar di Johor Bahru.⁷⁷ Pemilihan Johor Bahru sebagai lokasi pembinaan bangunan baharu universiti tersebut kemungkinan besar berkait rapat dengan kedudukan lokasi tersebut yang strategik kerana terletak tidak jauh dari Singapura, iaitu berhadapan dengan pulau tersebut. Pada bulan November 1953, kerajaan memaklumkan bahawa cadangan untuk memindahkan kampus Universiti Malaya ke Johor Bharu kemungkinan besar terpaksa dibatalkan kerana melibatkan kos keseluruhan yang besar, iaitu berjumlah \$145 juta. Tambahan pula, lebih banyak kos dapat dijimatkan jika kampus universiti tersebut dikekalkan di Singapura dan satu lagi kampus baru dibina di Kuala Lumpur.⁷⁸ Kerajaan akhirnya mengambil keputusan untuk membatalkan cadangan tersebut bagi menjimatkan kos kerana melibatkan peruntukan yang sangat besar.

Selain itu, terdapat juga cadangan untuk menggabungkan Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang ke dalam Universiti Malaya, seterusnya menjadikannya sebagai sebuah fakulti pertanian.⁷⁹ Pada bulan April 1955, cadangan penubuhan sebuah fakulti pertanian di Universiti Malaya telah dikemukakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Tanah Melayu, R.G. Heath ketika sambutan majlis graduasi di Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang.⁸⁰ Pada bulan Oktober 1955, Universiti Malaya bercadang untuk memohon kepada kerajaan untuk mengambil alih Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang seterusnya menjadikannya sebagai salah sebuah fakulti di Universiti Malaya.⁸¹ Pada tahun 1956, salah seorang lulusan Kolej Pertanian Tanah Melayu di Serdang iaitu Chua Kim Yew menjelaskan bahawa sudah tiba masanya bagi penubuhan sebuah fakulti pertanian di Universiti Malaya. Pandangan beliau turut disokong oleh majoriti lulusan kolej tersebut.⁸² Hal ini menggambarkan desakan sebahagian anggota masyarakat yang melihat kepentingan penubuhan sebuah fakulti pertanian di peringkat universiti bagi meningkatkan kualiti pendidikan pertanian di Tanah Melayu, khususnya di peringkat pendidikan tinggi.

Ketika majlis konvokesyen pertama Universiti Malaya pada tahun 1950, seramai 72 pelajar telah dianugerahkan ijazah sarjana muda yang berlangsung pada 8 Julai 1950 di

74 Yeo Kim Wah, "Student Politics in University of Malaya, 1949-51", hlm. 348.

75 Khoo Kay Kim, *100 Years: The University of Malaya*, hlm. 44.

76 *Annual Report on Education for 1950*, hlm. 12-13.

77 Lihat "More Land for University", *The Straits Times*, 28 Ogos 1952, hlm. 8.

78 Lihat "Two-University Scheme", *The Straits Times*, 13 November 1953, hlm. 1.

79 Tahun 1940 menyaksikan terdapat cadangan agar Sekolah Teknik Kuala Lumpur dinaiktaraf menjadi Kolej Teknik sebelum menjadi sebahagian daripada Universiti Malaya. Lihat "K.L. Welcomes Plans for Technical College", *Morning Tribune*, 1 Januari 1940, hlm. 5.

80 Lihat "Another New Varsity Faculty", *Singapore Standard*, 7 April 1955, hlm. 3.

81 Lihat "No Wish to Be Beggars,' Says Caine", *The Straits Times*, 17 Oktober 1955, hlm. 7.

82 Lihat "Time for Faculty of Agriculture, Says the Grads Chua Kim Yew", *Singapore Standard*, 13 Januari 1956, hlm. 8.

Oei Tiong Nam Hall, Singapura. Lima individu pula telah dianugerahkan ijazah kehormat berdasarkan sumbangan mereka kepada universiti.⁸³ Pada tahun 1951, salah seorang pelajar Universiti Malaya yang berjaya menamatkan pengajian ialah Wong Pat Moi yang berjaya mendapat ijazah dalam bidang sains.⁸⁴ Pada tahun 1954, seorang pelajar Universiti Malaya iaitu Phan Sing Eng berjaya mendapat ijazah kelas pertama dalam bidang kimia.⁸⁵ Pada tahun 1956, seramai 250 pelajar Universiti Malaya bakal menerima ijazah dan diploma dalam jalis konvokesyen yang berlangsung di *Victoria Memorial Hall*, Singapura. Cancellor Universiti Malaya yang juga Pesuruhjaya Tinggi British di India iaitu Sir Malcolm Macdonald juga bakal menghadiri majlis konvokesyen tersebut.⁸⁶ Kejayaan pelajar-pelajar tersebut menamatkan pengajian di Universiti Malaya bakal melahirkan ramai tenaga kerja tempatan yang berpengetahuan dan terlatih dalam pelbagai bidang pekerjaan, seterusnya merencanakan lagi perkembangan ekonomi Tanah Melayu.

Rajah 3: Pelajar Yang Menerima Ijazah dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaya Pada Tahun 1952



Sumber: *The Singapore Free Press*, 28 Julai 1952, hlm. 5.

Terdapat juga lulusan Universiti Malaya yang bertugas sebagai pegawai tadbir di bawah perkhidmatan awam di Tanah Melayu. Pada tahun 1957, seorang lulusan ekonomi di Universiti Malaya, iaitu Bhupinder Singh telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam di Tanah Melayu sebagai pegawai tadbir di bawah skim *Malayan Civil Service* (MCS). Beliau juga menjadi orang Sikh pertama kelahiran Tanah Melayu yang berkhidmat di bawah skim MCS.⁸⁷ Terdapat juga lulusan Universiti Malaya yang bertugas sebagai Pegawai Daerah atau

83 *Annual Report on Education for 1950*, hlm. 12-13. Lihat juga "First Degrees", *The Singapore Free Press*, 8 Julai 1950, hlm. 5.

84 *The Straits Times*, 15 Julai 1951, hlm. 1.

85 Lihat "Graduate", *Sunday Standard*, 25 Julai 1954, hlm. 4.

86 Lihat "MacDonald for Convocation", *The Straits Times*, 7 Oktober 1956, hlm. 11.

87 Lihat "Varsity Man Joins MCS", *Sunday Standard*, 16 Jun 1957, hlm. 4.

Timbalan Pegawai Daerah. Pada tahun 1957, Tahir bin Abdul Rahim yang merupakan lulusan Universiti Malaya telah dilantik sebagai Timbalan Pegawai Daerah Mersing menggantikan Abdul Kadir bin Abdullah yang telah ditukarkan sebagai Timbalan Pegawai Daerah Pontian.⁸⁸ Hal ini menunjukkan kepentingan Universiti Malaya dalam membekalkan tenaga kerja yang terlatih sebagai pegawai tadbir dan diplomatik, sekali gus dapat mengisi pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam di Tanah Melayu.

Selain itu, terdapat juga lulusan Universiti Malaya yang bertugas sebagai doktor perubatan dan doktor pergigian. Antaranya ialah Dr. Ahmad Yasin bin Said yang merupakan lulusan bidang perubatan dari Fakulti Perubatan, Universiti Malaya. Beliau kemudian telah bertugas sebagai doktor pergigian di Singapura.⁸⁹ Seorang lagi lulusan bidang perubatan di Universiti Malaya ialah Dr. Tow Siang Hua yang juga bertugas di Singapura. Pada tahun 1956, beliau telah ditawarkan biasiswa untuk menyambung pengajian dalam bidang perubatan di *Belfast University*, Ireland, United Kingdom selama dua tahun.⁹⁰ Antara lulusan bidang pergigian di Universiti Malaya ialah Dr. Chia Sai Seng yang merupakan antara lulusan bidang pergigian yang terawal di universiti tersebut.⁹¹ Hal ini menunjukkan kepentingan Universiti Malaya dalam membekalkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang perubatan di Tanah Melayu, khususnya sebagai doktor perubatan dan doktor pergigian.

Lulusan Universiti Malaya juga berpeluang untuk bertugas sebagai pensyarah universiti, khususnya di Universiti Malaya. Antaranya ialah Dr. Lee Teow Seng yang merupakan lulusan ijazah pertama yang terawal di Universiti Malaya. Beliau juga merupakan antara lulusan ijazah kedoktoran (PhD) dari Universiti Malaya yang terawal. Beliau juga pernah mengambil kursus jangka pendek selama enam bulan di *Edinburgh University* dan *Oxford University*. Pada tahun 1956, beliau bertugas sebagai pensyarah dalam bidang psikologi di Universiti Malaya bagi menggantikan Profesor E.M. Glaser yang kembali ke *University of London* setelah mengajar di Universiti Malaya selama lima tahun.⁹² Tahun 1956 juga menyaksikan seorang lagi lulusan Universiti Malaya iaitu Cik Soh yang pernah bertugas sebagai guru di *Beatty Secondary School* dan *Gan Eng Seng School* di Singapura telah ditawarkan jawatan sebagai pensyarah di Universiti Malaya.⁹³ Beliau dijangka kembali ke Universiti Malaya untuk menerima tawaran tersebut. Hal ini menunjukkan kepentingan Universiti Malaya dalam membekalkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan terlatih sebagai pensyarah universiti.

Terdapat juga lulusan Universiti Malaya yang bertugas dalam bidang penyiaran. Antaranya ialah Dol bin Ramli yang telah ditawarkan jawatan sebagai Penyelia Bahagian Melayu bagi Radio Tanah Melayu pada tahun 1955. Sebelum itu, beliau yang merupakan lulusan Universiti Malaya pernah menjalani latihan praktikal di Jabatan Penyiaran Singapura selama tiga bulan.⁹⁴ Hal ini menunjukkan bahawa lulusan Universiti Malaya adalah serba

88 Lihat "Transferred to Pontian", *The Straits Times*, 28 Jun 1957, hlm. 9.

89 Dr. Ahmad Yasin bin Said telah berkahwin dengan Che' Rosna Mahyudin di Singapura pada tahun 1956. Lihat "Modern Malay Wedding", *The Straits Times*, 5 Ogos 1956, hlm. 11.

90 Lihat "Doctor Off for Higher Studies", *The Straits Times*, 27 Jun 1956, hlm. 9.

91 *Sunday Standard*, 12 Oktober 1952, hlm. 1.

92 "Top Varsity Post for Dr. Lee", *The Straits Times*, 15 Disember 1956, hlm. 9.

93 Lihat "Next Lesson", *The Straits Times*, 9 Mei 1956, hlm. 7.

94 Lihat "Supervisor of Malay Broadcasting", *The Straits Times*, 8 September 1955, hlm. 5.

boleh dan boleh bertugas dalam pelbagai bidang termasuklah bidang penyiaran yang sedang berkembang pesat ketika itu dan memerlukan lebih ramai tenaga kerja mahir.

Kesimpulan

Pendidikan memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan dan kemajuan Tanah Melayu sebelum merdeka, khususnya dalam bidang sosioekonomi. Pendidikan bukan sahaja dapat melahirkan rakyat yang berpengetahuan, tetapi juga berjaya menaikkan kedudukan serta status sosial dalam masyarakat dan mempunyai akhlak dan etika yang tinggi. Salah satu tahap pendidikan yang penting di Tanah Melayu sebelum merdeka ialah pendidikan tinggi. Perkembangan pendidikan tinggi amat penting dari segi melahirkan pekerja yang mahir, terlatih dan berpengetahuan tinggi, sekali gus memajukan lagi sektor ekonomi Tanah Melayu. Hal ini kerana perkembangan pesat yang berlaku dalam pendidikan tinggi bukan sahaja telah melahirkan ramai tenaga kerja tempatan yang mahir dan terlatih, tetapi pada masa yang sama juga mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan perkembangan sosioekonomi di negeri-negeri Melayu, tetapi lebih penting lagi telah menyuntik perkembangan pesat dalam sektor ekonomi di Tanah Melayu. Bahkan lebih penting lagi, rakyat Tanah Melayu juga berpeluang mendapat akses terhadap pendidikan yang merupakan keperluan asas bagi setiap manusia, sekali gus melahirkan warganegara yang bukan sahaja mahir dan terlatih dalam pelbagai sektor pekerjaan, tetapi juga mempunyai tahap intelek dan ilmu pengetahuan yang tinggi.

Secara umumnya, British tidak begitu prihatin terhadap perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu berbanding tahap pendidikan rendah dan menengah. Penubuhan *King Edward VII College of Medicine* hanya berlaku pada tahun 1906 iaitu pada awal abad ke-20 berbanding penubuhan *Penang Free School*, Pulau Pinang dan *Raffles Institution*, Singapura yang berlaku pada awal abad ke-19. Penubuhan *Edward VII College of Medicine* juga disebabkan keperluan mendesak terhadap tenaga kerja tempatan yang terlatih dalam bidang perubatan khususnya doktor perubatan bagi mengisi jawatan di pelbagai hospital dan klinik kesihatan kerajaan tanpa perlu bergantung kepada doktor perubatan dari Eropah yang tentunya memerlukan perbelanjaan yang lebih besar. Penubuhan *Raffles College*, Singapura pada tahun 1928 pula lebih menggambarkan perkembangan bidang pendidikan tinggi secara lebih menyeluruh kerana bukan sahaja menawarkan bidang pengajian dalam bidang sains, tetapi juga dalam bidang sastera.

Penubuhan sebuah universiti di Tanah Melayu juga memakan masa yang agak lama. Rancangan awal untuk menubuhkan Universiti Malaya telah bermula sejak akhir tahun 1930-an lagi, manakala Universiti Malaya sendiri hanya ditubuhkan pada akhir tahun 1940-an, iaitu pada tahun 1949. Hal ini menunjukkan bahawa usaha penubuhan Universiti Malaya sendiri memakan masa sekitar 10 tahun. Meskipun kelewatan tersebut disumbangkan oleh faktor berlakunya Perang Dunia Kedua pada awal tahun 1940-an, selain faktor perbelanjaan yang besar, namun British sendiri seolah-olah tidak begitu bersungguh untuk menubuhkan sebuah universiti di Tanah Melayu dan tidak sanggup mengeluarkan 'belanja lebih' untuk tujuan tersebut. Bagi mengurangkan kos, British mengambil keputusan menggabungkan dua buah institut pengajian tinggi di Tanah Melayu yang sudah wujud sejak awal abad ke-20 iaitu *King Edward VII College of Medicine*, Singapura, dan *Raffles College*, Singapura bagi

memberi laluan bagi penubuhan Universiti Malaya. Jika British bersungguh-sungguh untuk memandaikan penduduk Tanah Melayu, kenapa perlu 'dikorbankan' dua institusi pendidikan tinggi tersebut? British sebenarnya mempunyai kemampuan dan kepakaran bagi membiayai dan menubuhkan sebuah universiti baru, namun menggunakan alasan suasana perang dan kos yang terlalu tinggi sebagai hujah untuk menangguhkan penubuhan universiti tersebut.

Singapura juga muncul sebagai hub pendidikan tinggi utama di Tanah Melayu sebelum mereka, malah semua institusi pendidikan tinggi yang ada ketika itu iaitu *King Edward VII College of Medicine*, *Raffles College*, dan Universiti Malaya hanya wujud di Singapura sahaja. Keadaan ini berlaku disebabkan kedudukan Singapura sebagai negeri termaju dan termoden bukan sahaja di Tanah Melayu, tetapi juga di seluruh Asia Tenggara sejak awal abad ke-19 lagi. Situasi tersebut mendorong penduduk Singapura untuk memohon dan mendapatkan akses terhadap pendidikan tinggi yang merupakan lambang kemajuan sesebuah negara. Lantaran itu, British tiada pilihan selain menyediakan institusi pendidikan tinggi kepada penduduk Singapura, selain dapat dimanfaatkan juga oleh seluruh penduduk Tanah Melayu.

Dari segi kaum, jumlah orang Melayu yang menyambung pengajian di institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu sebelum merdeka amat ketinggalan berbanding kaum Cina dan India. Hal ini berkait rapat dengan dasar British yang membuka lebih banyak peluang untuk pelajar Cina dan India untuk memasuki sekolah Inggeris, seterusnya memberi peluang kepada mereka untuk menyambung pengajian di institusi pendidikan tinggi. Pelajar Melayu pula agak ketinggalan dari segi pendidikan tinggi bukan sahaja disebabkan keengganan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris kerana bimbang 'dikristiankan', tetapi juga berkait rapat dengan dasar British yang menetapkan orang Melayu perlu 'dikekalkan' sebagai petani dan nelayan sahaja.